



## Zakat & ANDA

"Tha Sin, Inilah ayat-ayat al-Quran, kitab yang memberi penjelasan sebagai petunjuk dan berita gembira bagi orang yang beriman. ***iaitu orang yang mendirikan solat dan membayar zakat, serta yakin akan adanya hari akhirat.***"  
(surah an-Naml 27:1-3)

Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya, dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia, ***dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya dengan menunaikan zakat harta itu...***  
(surah al-Mukminun 23:1-4)

Kewajipan zakat yang kian disisihkan dalam diari kehidupan muslim pada hari ini, adalah satu perkara yang amat menyedihkan. Penting untuk disebutkan di sini ialah, perintah supaya mengeluarkan zakat ini sering kali diletakkan seiring dengan perintah menunaikan solat. Firman-Nya :

"Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat. Dan kebaikan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat segala sesuatu yang kamu kerjakan."

Walaupun persepsi masyarakat hari ini, yang lebih mengambil berat tentang ibadah solat puasa dan haji, namun kewajipan zakat tidak sepatutnya dipandang ringan. Jika tidak, mengapakah Allah swt menggandingkan perintah zakat tersebut dengan perintah mendirikan sembahyang?

### Cukai dan Zakat

Dari segi kewajipan, zakat memang serupa dengan cukai. Tetapi dari segi kekalnya kewajipan tersebut ia berbeza dengan cukai. Seseorang boleh terlepas daripada sistem cukai kerana kelemahan sistem pengutipan dan lain-lain. Tetapi seseorang Muslim tidak terlepas daripada kewajipan zakat meskipun pemerintah lalai daripada mengutipnya. Bahkan Islamnya tidak sah dan imannya tidak sempurna selagi dia belum menunaikan kewajipan tersebut dengan niat mencari keredhaan Allah dan untuk menyucikan diri dan hartanya.

Kita sendiri mengetahui bahawa zakat merupakan hak asnaf, termasuk golongan fakir miskin yang telah ditentukan kadarnya, sehingga orang kaya tidak berpeluang untuk mempersendakan orang miskin semasa menyerahkannya. Kita juga mengetahui bahawa urusan pengutipan dan pembahagian harta zakat ditangani sepenuhnya oleh pemerintahan Islam. Ia diagihkan kepada orang yang tidak memiliki sumber pendapatan atau memiliki pendapatan yang tidak cukup untuk memenuhi keperluan diri dan keluarganya.

Zakat juga merapatkan jurang yang memisahkan antara golongan kaya dengan golongan miskin. Inilah di antara keistimewaan-keistimewaan yang belum dapat dicapai oleh sistem jaminan sosial moden.

***Wallahua'lam.***